

HARI MINGGU 9 OGOS 2026		
KETUI SEMBIANG	The Revd Ron Bunchol	
JAKU AJAR	The Revd Nelson Sinken	
SEMPEKAT LAMA	Pemungkal 37:1-4, 12-28	Sdri Amylia Drahan
SEMPEKAT BARU	Rome 10:5-15	Sdr Puli anak Langga
INJIL	Matthew 14:22-33	Reader Gabriel Henry Ajin
SAMPI PINTA	Sdri Lindon Jambu	

KEAHLIAN GEREJA

Sekiranya anda dipanggil Tuhan untuk bersama-sama merealisasikan **VISI** dan **MISI** Gereja kita, anda digalakkan untuk bertemu dengan mana-mana ahli-ahli **TIM PASTORAL** untuk mendapat maklumat lanjut.

Untuk menjadi **AHLI BERDAFTAR GEREJA**, sila isi **BORANG PENDAFTARAN** yang boleh didapati daripada para penyambut tetamu. **Menjadi ahli Gereja adalah sangat penting untuk semua orang Kristian.**

PEMBERIAN KEPADA DANA-DANA GEREJA

Sekiranya anda dipanggil Tuhan untuk memberi dengan murah hati kepada mana-mana dana-dana Gereja kita, anda boleh melakukannya secara tunai atau cek melalui sampul surat yang tersedia, menggunakan kod-kod QR di bawah atau atas talian ke akaun bank Gereja kita seperti yang tertera di bawah. Tuhan kita bersuka cita dengan sesiapa yang memberi dengan murah hati.

PEMBAPTISAN UNTUK KANAK-KANAK

Pembaptisan boleh dilakukan pada hari Sabtu ke 4 setiap bulan. Isikan borang dan hantarkan ke Pejabat.

TABUAN JAYA ANGLICAN CHURCH

No. 262, Lorong Song 1, Tabuan Heights, 93350 Kuching, Sarawak, MALAYSIA.

Tel: 082-369333 / 504372 Tel. Bimbit: 013-8383436 Emel: office@tjac.org.my

Laman web: www.tjac.org.my Facebook: tjackuching Instagram: tabuanjayaanglican

Vicar: The Revd Richard Chang Paderi: The Revd. Lawrence Wah Onn, The Revd Ron Bunchol

Sub-Deacon: Helen Chan, John Cheong, Irvin Lim, Gabriel Henry, Frank Jitab, Yap Min Su

			
			
Dana Bangunan Gereja	Dana Misi	Pemberian Hari Minggu	Persepuluhan

AKAUN BANK DANA AM GEREJA

Public Bank
3207398133

Sila hantar slip bank ke Pejabat Gereja melalui WhatsApp di 013-8383436 dan nyatakan tujuan transaksi itu.

DIOCESE OF KUCHING



TABUAN JAYA ANGLICAN CHURCH



VISI

MENJANGKAUI untuk KRISTUS seluas-luasnya bermula daripada Tabuan Jaya

MISI

Membina satu KOMUNITI KRISTIAN yang MENGASIHI dan MENGENALI KRISTUS dan berusaha untuk MEMBERITAKAN DIA kepada ORANG LAIN

TEMA 2026

BIARLAH SABDA KRISTUS MENETAP DALAM DIRIMU DENGAN SEGALA KEKAYAAN DAN KEBIJAKSANAANNYA. (KOLOSE 3:16)

HIJAU	MINGGU YANG KE 9 SELEPAS TRINITI	2 OGOS 2026
PENGUCAPCARA	The Revd Lawrence Wah Onn	
PENGKHUTBAH	The Revd Ron Bunchol	
BACAAN PERTAMA	Kejadian 32:22-31	Sdri Esther Hannah Rommel
BACAAN KEDUA	Roma 9:1-5	Sdri Ferryna Azell
INJIL	Matius 14:13-21	Reader Gabriel Henry Ajin
PENDOA SYAFAAT	Sdri Hazel Lia Ping David Ajok	

DOA RINGKAS HARI INI

Allah yang mahakuasa, yang mengutuskan Roh Kudus-Mu sebagai kehidupan dan cahaya bagi Gereja-Mu, bukalah hati kami kepada kurnia-Mu yang berkelimpahan, semoga kami dapat menghasilkan buah Roh, dalam kasih, suka-cita dan kedamaian; melalui Yesus Kristus Anak-Mu Tuhan kami, Dia yang hidup dan memerintah dengan-Mu, dalam kesatuan Roh Kudus, Allah yang Tunggal, sekarang dan selama-lamanya. Amin.

DOA SELEPAS PERJAMUAN

Bapa yang kudus, yang mengumpulkan kami untuk mengelilingi meja AnakMu, untuk berkongsi perjamuan ini dengan seluruh keluarga Tuhan: di dalam dunia yang baru di mana Engkau menunjukkan kedamaianMu yang sempurna, mengumpulkan orang dari setiap bangsa dan bahasa, untuk berkongsi dalam perjamuan AnakMu yang abadi, Yesus Kristus Tuhan kami. Amin

SELAMAT DATANG KE GEREJA ANGLIKAN TABUAN JAYA

Selamat datang kepada semua yang bersama kita menyembah Tuhan hari ini, lebih-lebih lagi bagi mereka yang datang buat pertama kali.

SELAMAT HARIJADI

Selamat Harijadi kepada saudara seiman dalam Kristus yang lahir pada bulan Ogos. Semoga Tuhan memberkati anda dengan kesihatan yang baik dalam tubuh dan minda, dan semoga rahmat-Nya melimpah dalam hidup anda.

KELAS PEMBAPTISAN DAN PENETAPAN

Tarikh: **8 Ogos 2026**

Tajuk: **Penyembahan Yang Benar**

Pengajar: Sdr Melvis Martin

Tarikh: **15 Ogos 2026**

Tajuk: **Pertanggungjawaban dan Keahlian Gereja**

Pengajar: The Revd Ron Bunchol

Tempat: Sekolah Ahad

Waktu: **9:00 - 11:30 pagi**

MALAM DOA KORPORAT

Tarikh: **5 Ogos 2026**

Waktu: 7:45 malam

Tempat: Chapel

Marilah kita datang bersama-sama menyokong jemaat dalam doa. Tema doa ialah **Pray for BMSC Ministry** yang akan diketuai oleh Reader Gabriel Henry Ajin

Zoom ID: 88129027235

Passcode: 998112

HARI KELUARGA TJAC

Tarikh: **16 September 2026 (Rabu)** Waktu: **6:30pagi-1:00 tengahari**

Tempat: Tabuan Jaya Anglican Church

Butiran Walkaton:

Kad Walkaton kini boleh didapati di kaunter Urusetia/Reader Gabriel Henry Ajin

Jualan Baju-T:

Baju-T boleh didapati pada harga **RM30 sehelai**. Diperbuat daripada bahan 'dry-fit' yang selesa. Sesuai untuk acara gereja dan aktiviti luar anda.

Perkhidmatan Kesihatan Percuma:

Kolesterol, Asid urik, Glukosa, Tekanan darah, Tekanan nadi

Perkhidmatan Berbayar Pilihan:

Kos ujian darah penuh adalah antara RM45 hingga RM60.

Caj tambahan RM10 dikenakan untuk setiap ujian tambahan atau ujian tunggal yang diminta.

Ahli sel rumah (Home cell) dan individu boleh menyumbang kepada dana ini sama ada secara tunai atau pindahan dalam talian. Nombor akaun ialah **3204045920 (PBB)**. Sila serahkan tunai dan resit bank anda kepada **SD Helen**. Sila tulis "**Family Day**" pada resit sebelum menyerahkannya kepada beliau.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi **Sdri Annie Lim**.

HARI KELUARGA KELOMPOK SEL BMSC

Tarikh: **25 Ogos 2026(Selasa)** Tempat: Adis Timporang Resort and Homestay, Bau
Yuran masuk Resort: Dewasa = **RM3 (12 tahun dan ke atas)** Kanak-kanak: Percuma
Pengangkutan: **Bas disediakan**

Semua dijemput. Sila berikan nama kepada Urusetia.

Sebarang pertanyaan sila hubungi Urusetia atau Reader Gabriel Henry.

Diminta setiap keluarga sila sediakan 1kg daging babi untuk tujuan aktiviti BBQ.

KUTIPAN MINGGU UNTUK MUDA-MUDI

Kutipan Minggu Muda-Mudi (ADYC) pada 26 Julai berjumlah RM 439.00. Terima kasih semua.

PERTANDINGAN BERCERITA KISAH ALKITAB KANAK-KANAK DCMB (LSSA) 2026

Pertandingan di atas akan diadakan pada hari Sabtu, **10 Oktober 2026 di Gereja St Basil, Batu Kawa**. Kanak-kanak berumur 7 hingga 12 tahun dialu-alukan untuk menyertai sama ada dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Malaysia. Pendaftaran adalah percuma. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi sis Josephine atau mana-mana guru Sekolah Minggu. Tarikh akhir pendaftaran: **20 September 2026**

CORNERSTONE 2026

Majalah Cornerstone kembali mempelawa penghantaran artikel yang meraikan iman, komuniti, dan pengalaman bersama kita melalui kesaksian peribadi dan kisah yang memberi inspirasi. Sumbangan anda akan membantu menjayakan majalah ini dan mengeratkan hubungan kita sebagai sebuah komuniti.

Garis panduan untuk artikel:

Tidak melebihi 500 patah perkataan, dalam bentuk fail WORD beserta nama penuh penulis, gambar mestilah disertakan dengan kapsyen

Sila hantar artikel anda ke **cornerstone@tjac.org.my** sebelum atau pada **31 Oktober 2026**.

Penghantaran yang lewat tidak akan diterima. Jawatankuasa Penyuntingan berhak untuk memilih dan menerbitkan artikel berdasarkan ruang yang ada.

IKRAR PEMBIAYAAN 3 PROJEK PENINGKATAN DI TJAC

Tabung Ikrar untuk melaksanakan 3 projek peningkatan akan dilanjutkan ke 2026. Projek-projek tersebut ialah:

1. pembinaan awning di beranda (lobi),
2. pembinaan bumbung dari beranda (lobi) ke Parish House,
3. mengubah suai Chapel.

Jumlah dana yang diperlukan adalah RM120,000.

Letakkan wang tunai dalam sampul surat dan tuliskan "Projek", serta nama anda dan masukkan ke dalam kotak yang disediakan. Pembayaran dalam talian juga boleh dibuat ke Akaun Public Bank TJAC No. 3207398133. Bayaran boleh dibuat sekarang
Jumlah diterima sehingga **12 Julai 2026 ; RM98,000.00**.

***Sila ambil perhatian; pagar Gereja ditutup pada pukul 10:00malam setiap malam**



**Tolong senyapkan telefon bimbit anda semasa Kebaktian.
Terimakasih atas kerjasama anda semua**